

09/01/2004

TM Net belum ada rundingan dengan Jaring

TM NET Sdn Bhd (TM Net), belum ada sebarang perundingan dengan Jaring mengenai penggabungan kedua-dua penyedia perkhidmatan Internet (ISP) terkemuka tempatan itu.

Ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Baharum Salleh, enggan mengulas sebarang pertanyaan wartawan mengenai penggabungan itu.

"Tiada komen. Setakat ini saya tidak mahu mengulas sebarang pertanyaan mengenai penggabungan ini. Kita mesti tunggu keputusan Kementerian Kewangan dan pemegang saham. Mereka akan bermesyuarat untuk membincangkan perkara ini dan segala keputusan tertakluk di tangan mereka.

"Kita akan mengikut arahan mereka," katanya pada sidang akhbar sempena Karnival Pangkor, anjuran kerajaan negeri Perak dengan kerjasama TM Net dan TV3, di Dataran Pangkor, minggu lalu.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Berhad merangkap Ahli Majlis TM Net, Datuk Dr Abdul Rahim juga enggan mengulas sambil menyatakan setakat ini tiada perjumpaan antara kedua-dua pihak.

Malah, beliau sendiri tidak tahu bilakah mesyuarat pemegang saham akan diadakan untuk memberi keputusan, sedangkan kementerian berkaitan dalam laporannya baru-baru ini ada menyatakan perundingan antara kedua-dua pihak berjalan lancar dan dijangka selesai Mac depan.

"Bagaimanapun, kami sudah bersedia. Jika diarahkan untuk bergabung, kita bergabung dan saya tidak nampak ada masalah di situ. Jika sebaliknya, kita beroperasi seperti biasa," katanya lagi.

Isu penggabungan kedua-dua penyedia perkhidmatan Internet ini timbul ketika pembentangan Bajet 2004 oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengumuman itu mengejutkan pelbagai pihak walaupun ada yang menanti-nantikannya kerana ia lakaran hebat dalam sejarah Internet negara sepanjang tahun lalu.

Dr Mahathir tidak menghuraikan secara terperinci mengenainya, namun ia harus dilihat dari sudut positif untuk kepentingan industri Industri negara yang mungkin mampu melonjakkan Malaysia ke persada Internet yang lebih hebat.

Statistik terbaru mendapati asas pelanggan TM Net menghampiri 1.9 juta orang dan Jaring lebih 900,000 orang.

Walaupun isu penggabungan itu semakin hangat diperkatakan, kedua-dua ISP ini dilaporkan akan terus komited dalam meneruskan dan memberi perkhidmatan terbaik sama ada membabitkan pelanggan, rakan niaga dan pembekal.